



KENYATAAN MEDIA

DUA DELIVERY RIDER TERIMA FAEDAH HILANG UPAYA SEMENTARA PERKESO

GOMBAK, SELANGOR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (**PERKESO**) hari ini menyampaikan faedah PERKESO kepada dua Orang Berinsurans Bekerja Sendiri (OBBS) yang terlibat dalam kemalangan jalan raya ketika bekerja.

Kes pertama melibatkan seorang penghantar barangan bagi perniagaan dalam talian Lazada, Nasrullah Bin Nadri, 35 tahun. Dalam kejadian jam 1.45 petang pada 1 Mac 2021, beliau yang sedang dalam perjalanan untuk menghantar bungkusan barangan ke rumah pelanggan di Puncak Alam, Selangor telah dirempuh oleh sebuah kereta dari arah bertentangan. Kemalangan tersebut menyebabkan Nasrullah mengalami patah tulang di kaki kanan, luka di tangan kanan dan sakit pada dada serta belakang badannya.

Susulan kejadian tersebut, Nasrullah telah mendapatkan rawatan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan diberikan cuti sakit selama 58 hari, bermula 2 Mac hingga 28 April 2021. Syarikat tempat OBBS bekerja telah melaporkan kemalangan tersebut kepada PERKESO bagi tujuan tuntutan faedah. Hasil semakan mendapati Nasrullah merupakan pencarum aktif yang menerima inisiatif Kerajaan di bawah **SPS Lindung** iaitu perlindungan **Skim Bencana Pekerjaan** di bawah **Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS)** selama setahun, sejak 12 Februari 2021. Sehubungan itu, Nasrullah layak menerima bayaran **Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS)** berjumlah **RM2,397.14** bagi tempoh cuti sakit tersebut.

Bagi seorang lagi *Delivery Rider*, Safadila Binti Hussain, 37 tahun, tindakan bijaknya mendaftar dalam **Program PenjanaGig** atau **Program Dana Padanan Caruman Ekonomi Gig Platform** akhirnya memanfaatkan dirinya apabila beliau layak menerima bantuan FHUS. Safadila telah mengalami patah kaki kanan setelah dilanggar sebuah motosikal secara tiba-tiba ketika dalam perjalanan mengambil pesanan makanan. Susulan itu, Safadila yang menerima rawatan di Hospital KPJ Tawakal telah diberikan cuti sakit selama 119 hari dari 4 Disember 2020 hingga 1 April 2021, dan dibayar FHUS oleh PERKESO sebanyak **RM4,918.27** bagi tempoh tersebut.

Penyerahan cek faedah telah disampaikan oleh **Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gombak Setia, YB Tuan Muhammad Hilman Bin Idham**. Hadir sama ialah **Ketua Bahagian Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri, Tuan Haji Azhar Bin Md Nadzri**. Selain penyerahan cek, turut diadakan sesi **agihan hamper** kepada *Delivery Riders* secara pandu lalu (*drive thru*).

Program PenjanaGig, yang diumumkan YAB Perdana Menteri pada 5 Jun 2020 melalui **Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)**, merupakan bantuan Kerajaan berbentuk sumbangan sebahagian caruman SKSPS PERKESO. Di bawah PenjanaGig, Kerajaan membiayai **70%** daripada **RM232.80 caruman setahun Pelan Kedua SKSPS**, manakala baki **30%** adalah daripada platform penyedia perkhidmatan atau pun pekerja gig sendiri.

SPS Lindung pula adalah pakej penambahbaikan inisiatif PenjanaGig yang diumumkan oleh YB Menteri Kewangan menerusi Belanjawan 2021 pada 6 November 2020. Bantuan Kerajaan di bawah SPS Lindung berbentuk **pembiayaan penuh 100%** caruman SKSPS yang disasarkan kepada golongan *Delivery Riders*, juga melibatkan caruman setahun Pelan Kedua, iaitu sebanyak **RM232.80**.

Kedua-dua inisiatif ini menyediakan perlindungan kepada OBBS daripada kemalangan atau penyakit pekerjaan yang terbit daripada dan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan mereka. Perlindungan yang disediakan meliputi faedah tunai di samping rawatan perubatan, pemulihan jasmani dan latihan vokasional. Antaranya adalah Faedah Perubatan, FHUS, Faedah Hilang Upaya Kekal, Elaun Layanan Sentiasa, Faedah Orang Tanggungan, Faedah Pengurusan Mayat, Faedah Pendidikan serta Kemudahan Pemulihan Jasmani, Vokasional dan Program Return to Work (RTW).

PERKESO berharap bantuan faedah ini dapat meringankan beban kedua-dua OBBS dalam meneruskan kehidupan. PERKESO juga menyeru semua rakyat Malaysia yang bekerja sendiri untuk segera mendaftar dan mencarum dengan SKSPS PERKESO bagi perlindungan mereka dan keluarga jika ditimpa musibah berkaitan pekerjaan mereka.

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

30 Mac 2021